

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]

SOALAN

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan syarikat-syarikat yang diberi kelulusan untuk penjanaaan melalui *solar-farm* berskala besar (5 Megawatt atau lebih).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperkenalkan program *Large Scale Solar* (LSS) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dengan memfokuskan pembangunan projek-projek solar berkapasiti antara 1MW sehingga 50MW untuk mencapai sasaran penjanaan solar daripada program ini adalah sebanyak 1,000MW pada tahun 2020.
2. Sebelum program LSS diperkenalkan, *Sustainable Energy Development Agency* (SEDA) Malaysia telah mula menawarkan projek solar melalui mekanisma *feed-in-tariff* (FIT) yang berkapasiti melebihi 500kW sejak tahun 2012. Sehingga 30 Jun 2017, syarikat-syarikat yang telah mencapai Tarikh Operasi Komersial (COD) telah menjana 338.02MW melalui projek-projek solar.
3. Bagi program LSS, pemilihan syarikat dibuat melalui proses perolehan bidaan kompetitif berdasarkan tawaran harga tarif terendah. Pada setiap pusingan, Suruhanjaya Tenaga (ST) akan membuka kuota sebanyak 250MW, di mana 200MW ditawarkan

untuk projek di Semenanjung Malaysia, dan 50MW ditawarkan bagi projek di Sabah.

- 4. Jumlah kuota yang telah ditawarkan dalam pusingan yang pertama dengan Tarikh Operasi Komersial (COD) 2017-2018 adalah seperti di dalam jadual di bawah. Syarikat yang telah memenangi bidaan tersebut disenaraikan di **Lampiran 1**. Jumlah kuota bagi Semenanjung dan Sabah adalah seperti Jadual di bawah:

No	Lokasi projek	Eksport Kapasiti (MWac)
1	Semenanjung Malaysia	385
2	Sabah	17
Jumlah		402

Selain itu, Kerajaan juga telah menambah kapasiti sebanyak 250MW bagi projek LSS *fast-track*. Projek LSS *fast-track* ini diwujudkan sebagai projek perintis bagi menilai keberkesanan pembinaan loji janakuasa solar berkapasiti besar serta menerajui kaedah-kaedah pembiayaan alternatif. Projek LSS *fast-track* yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Senarai nama syarikat yang sedang membangunkan projek LSS *fast-track* adalah seperti jadual di bawah:

No	Syarikat	Lokasi	Kapasiti Eksport (MWac)
1	Quantum Solar Park	Melaka, Terengganu dan Kedah	150
2	Edra Solar Sdn. Bhd.	Kedah	50
3	Tadau Energy Sdn. Bhd.	Sabah	50

5. Bagi pusingan ke-2 pula, Suruhanjaya Tenaga telah membuka tender pada Februari 2017 dan telah ditutup pada Ogos 2017. Sejumlah 510MW telah ditawarkan kepada pembida, dimana sebanyak 410MW ditawarkan bagi kawasan Semenanjung dan 100MW bagi Sabah/Labuan untuk Tarikh Operasi Komersial (COD) 2019-2020.

Lampiran 1

Senarai syarikat yang telah memenangi bidaan bagi projek solar berskala besar (LSS) bagi pusingan pertama

No	Syarikat	Lokasi	Kapasiti Eksport (MWac)
1	Consortium Greenviro Solutions Sdn. Bhd. dan PLB Terang Sdn. Bhd.	Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa 3, Penang.	20.0
2	Consortium Zelleco Engineering Sdn. Bhd., Pengkalan Bumijaya Sdn. Bhd. dan Amled Illumination (M) Sdn. Bhd.	Kulai, Johor.	29.0
3	Eastern Pacific GD Solar Sdn. Bhd.	Mukim Telok Kalong, Kemaman, Terengganu.	18.5
4	HNG Capital Sdn. Bhd.	Kuala Muda, Kedah.	29.0
5	Selasih Mentari Sdn. Bhd.	Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan.	8.0
6	IL Solar Sdn. Bhd.	Bandar Bukit Kayu Hitam, Kedah.	10.0
7	Tenaga Nasional Berhad (TNB)	Sepang, Selangor.	50.0
8	Consortium UiTM Property Management Sdn. Bhd., BJ Power Co. Ltd dan Perwira Al-Shura Consilting Engineers Sdn. Bhd.	Gambang, Pahang.	50.0
9	Mudajaya Coporation Bhd.	Sungai Siput, Kuala Kangsar, Perak.	49.0
10	Gading Kenchana Sdn. Bhd.	Bidor, Perak.	30.0
11	Consortium Synergy	Bandar Sungai	30.0

No	Syarikat	Lokasi	Kapasiti Eksport (MWac)
	Generated Sdn. Bhd. SCOMI Group Berhad dan Lembaga Angkatan Tentera	Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah.	
12	Solar Management (Chembong) Sdn. Bhd.	Mukim Pedas, Rembau, Negeri Sembilan.	50.0
13	Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd.	Kampung Tanjung Kubong, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah.	5.0
14	RUSB-BTS Joint Consortium	Kota Marudu, Sabah.	5.9
15	Beau Energy East Sdn. Bhd.	Beaufort, Sabah.	6.0